

CNS9262

U GB 29-05 00192 BA364

BAH

Mahathir - Demokrasi

MALAYSIA TIDAK BOLEH TERIMA DEMOKRASI ALA BARAT, KATA MAHATHIR  
KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Malaysia tidak harus menerima demokrasi ala Barat kerana ia adalah demokrasi yang keterlaluan yang telah membawa banyak kesan buruk, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata, pegangan prinsip demokrasi keterlaluan di Barat telah menyebabkan keruntuhan akhlak yang ketara, homoseks, "single parents" dan ekonomi yang merosot kerana etika kerja yang buruk.

"Kita menerima demokrasi tetapi kita perlu berhati-hati supaya tidak keterlaluan sehingga merosakkan kita. Kebebasan yang tidak terhad adalah berbahaya," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan ke-22, di sini, hari ini.

Pada majlis yang turut dihadiri para pemimpin tertinggi parti-parti komponen Barisan Nasional (BN), Dr Mahathir berkata, amalan demokrasi yang rasional juga perlu diamalkan dalam parti.

"Jika kita bertanding hanya kerana dibenarkan bertanding ataupun kita berkempen dengan menggunakan cara yang buruk dan wang sogokan, jika kita sengaja memburukkan calon, hasilnya bukan kejayaan bagi parti tetapi perpecahan yang boleh membawa kehancuran.

"Ini yang berlaku pada UMNO pada tahun 1987," kata Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN. -- Lagi.

▼29/05/12-38MST

CNS9265

U GB 29-05 00143 BA365

BAH

Mahathir - Demokrasi 2 Kuala Lumpur

Perebutan sengit bagi jawatan-jawatan dalam UMNO pada tahun 1987 menyebabkan perpecahan dan krisis dalam parti itu sehingga akhirnya, menyebabkan UMNO diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata: "Demokrasi ibarat pisau yang tajam, jika digunakan dengan baik boleh mengukir dengan cantik, tetapi pisau itu juga boleh membunuh.

"Oleh itu, berhati-hatilah dalam mengamalkan demokrasi, baik dalam parti atau dalam negara," katanya.

Perdana Menteri meminta rakyat supaya tidak mudah tergoda dengan apa yang diamalkan Barat.

"Kita harus demokratik tetapi tidak sehingga menjadi hamba kepada demokrasi. Dalam parti kita, demokrasi penting tetapi jika parti kita akan hancur dan negara menghadapi huru-hara kerana amalan-amalan tertentu, yang kononnya demokrasi, kita mestilah memilih parti dan negara.

"Tanpa parti dan negara, demokrasi tidak bermakna," kata beliau. -- Lagi.

▼29/05/12-51MST

CNS9292

U GB 29-05 00128 BA370

BAH

Mahathir - Demokrasi 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, perkara terpenting sebenarnya dalam demokrasi ialah pertukaran kerajaan dan pemimpin boleh ditukar dengan tidak timbul sebarang bencana seperti rusuhan.

"Kita tidak perlu kepada jenis kebebasan yang keterlaluan yang telah mewujudkan masyarakat yang biadap di Barat," katanya.

Beliau berkata, pendapat yang menyatakan demokrasi perlu ditegakkan walaupun negara hancur dan rakyat menderita, adalah "bodoh".

"Demokrasi ialah untuk kebahagiaan masyarakat dan bukannya masyarakat adalah untuk keperluan demokrasi," katanya.

Dalam ucapannya Dr Mahathir menyenaraikan pelbagai kejadian buruk akibat keghairahan menegakkan demokrasi ala Barat termasuk rusuhan, peperangan kaum, kerosakan ekonomi dan penindasan.

"Sebenarnya, masalah yang dihadapi semua negara Eropah dan Amerika Utara sekarang berpunca daripada cara mereka mengamalkan demokrasi," katanya. -- Lagi.

▼29/05/13-27MST

CNS9307

U GB 29-05 00128 BA376

BAH

Mahathir - Demokrasi 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri turut mengkritik negara-negara Barat yang kerap kali mengamalkan dwi nilai terhadap takrif demokrasi dalam keangkuhan mereka melaung-laungkan bahawa mereka mengagungkan demokrasi.

"Sementara mereka mengecam negara-negara membangun kerana tidak demokratik tetapi dalam arena antarabangsa dan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mereka tidak sanggup menerima kedaulatan suara ramai," katanya.

Diskriminasi kaum turut berlaku terhadap kaum minoriti dan yang berkulit warna, katanya.

Beliau berpendapat yang diinginkan negara Barat sebenarnya bukanlah demokrasi, atau pasaran bebas mahupun hak asasi manusia, tetapi "dividen" yang akan menguntungkan mereka.

"Jika pemerintahan kuku besi diamalkan negara yang menyokong Barat, ini tidak mengapa. Mereka terus mempertahankan kawan mereka yang tidak demokratik," kata Perdana Menteri. -- Bernama.

AZG KAM.

▼29/05/13-48MST